



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEBERGANTUNGAN IMPORT MAKANAN HAIWAN DIKURANGKAN, NEGARA, KOSMO-6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	KAJI DASAR JAMIN RANTAIAN BAHAN MAKANAN NEGARA, NASIONAL-BH-14	
3.	MAFI REVIEWING POLICIES TO FURTHER BOOST LOCAL PRODUCTION TO IMPROVE SELF-SUFFICIENCY LEVEL (NSTTV), NST-ONLINE	
4.	MAFI AMBIL TINDAKAN TANGANI KESAN KONFLIK RUSIA-UKRAINE-ONLINE	
5.	KEBENARAN IMPORT AYAM HINGGA MEI, NEGARA, KOSMO-6	
6.	TARIKH KEBENARAN IMPORT AYAM BULAT DILANJUT MEI, NASIONAL, BH-3	
7.	IMPORTED FROZEN CHICKEN DELAY IS DUE TO SHORTAGE FACED BY EXPORTERS, NATION, THE STAR-8	
8.	FROZEN CHICKEN IMPORTS DELAYED BY SHORTAGE, NEWS, THE SUN-2	
9.	KELEWATAN KEMASUKAN AYAM SEJUK BEKU DISEBABKAN KEKURANGAN BEKALAN DARI NEGARA PENGIMPOR, NASIONAL, SH-11	
10.	KEBENARAN IMPORT AYAM BULAT DILANJUTKAN HINGGA MEI, BH-ONLINE	
11.	GEGELANG SOTONG TIADA DNA BABI, BH-ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	PERAK HARAP MARDI HASILKAN BENIH PADI TAHAN LASAK, NEGERI, SH-29	INSTITUT PENYELIDIKAN KEMAJUAN PERTANIAN (MARDI)
13.	GALAK PETANI CUBA BENIH PADI VARIETI BAHARU, SH-ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
14.	HARGA LEMBU NAIK RM300 BULAN DEPAN, NEGARA, KOSMO-14	LAIN-LAIN
15.	FREE FARMING SEMINAR FOR YOUTHS, EVENTS, THE STAR-6	
16.	GETS READY, IT'S DURIAN TIME, NATION, THE STAR-9	
17.	MUARA CETEK JEJASKAN HIDUP NELAYAN, NEGERI, SH-25	
18.	KEBUN KOMUNITI SURAU AL- HIDAYAH BANTU PENDUDUK PEROLEH SAYUR LEBIH MURAH, DALAM NEGERI, UM-32	
19.	BAU BUSUK KOLAM UDANG DIATASI, NEGARA, KOSMO-16	
20.	PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA CATAT JUALAN RM 388,000 DI MELAKA, SH-ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kebergantungan import makanan haiwan dikurangkan

KUALA LUMPUR – Kerajaan sedang menilai dasar sedia ada bagi meminimumkan kebergantungan terhadap import makanan ternakan haiwan dalam usaha memastikan sumber bahan mentah dan input pertanian dalam negara mencukupi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, penilaian berhubung pengimportan termasuk jagung dan soya itu adalah sebagai langkah dan strategi jangka masa panjang negara.

“MAFI telah membuat perbincangan secara mendalam dan melihat beberapa dasar kebergantungan kita terhadap beberapa import bahan makanan (haiwan ternakan) yang kita mampu keluarkan sendiri.

“Jagung sebagai contoh kita mampu tanam dan keluarkan jagung dengan keluasan tanah di negara kita, tetapi dasar kita (sebelum ini) tidak menumpu pada pengeluaran jagung dan kebergantungan kita mengimport dari negara luar,” katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Che Alias Che Hamid (**PN-Kemaman**) mengenai langkah-langkah proaktif yang diambil MAFI dalam memastikan sumber bahan mentah dan input pertanian mencukupi berikutan konflik Rusia-Ukraine.

Ronald berkata, isu berhubung sumber bahan mentah dan input pertanian yang berlaku sekarang bukan disebabkan oleh konflik Rusia-Ukraine, tetapi disebabkan Covid-19.



MAFI bakal kurangkan kebergantungan import makanan haiwan dalam usaha memastikan sumber bahan mentah dalam negara mencukupi. – GAMBAR HIASAN

Kaji dasar jamin rantai bahan makanan negara

Kuala Lumpur: Kerajaan berse-
dia untuk menilai semula bebe-
rapa dasar, sebagai langkah stra-
tegi jangka panjang bagi men-
jamin rantaian bahan makanan
negara susulan konflik
Russia-Ukraine.

Menteri Pertanian dan Indus-
tri Makanan, Datuk Seri Dr Ro-
nald Khandee, berkata usaha ber-
kenaan penting bagi mengurang-
kan kebergantungan negara ter-
hadap import dari luar.

"Pada peringkat Kementerian,
kita membuat perbincangan
mendalam dan meluas untuk me-
lihat beberapa dasar kebergan-
tungan terhadap beberapa im-
port bahan makanan yang kita
mampu hasilkan sendiri.

"Antaranya ialah penanaman
jagung kerana kita memiliki ke-

luasan tanah dan sebagainya. Ba-
gaimanapun, dasar kita tidak me-
numpu kepada pengeluaran ja-
ngung, dan bergantung pada im-
port dari negara luar," katanya
pada sesi Waktu Pertanyaan Men-
teri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tam-
bahan Che Alias Hamid (PAS-Ke-
maman) mengenai pendekatan
kerajaan bagi mengurangkan ke-
bergantungan pada negara luar
membabitkan import pertanian.

Mengulas lanjut, Ronald berka-
ta, konflik Russia-Ukraine mem-
beri kesan langsung, khususnya
terhadap import pertanian mem-
babitkan keperluan input perta-
ninan termasuk baja, dan bahan
makanan seperti gandum, sedi-
aan bijirin, serta lemak sayuran
dan haiwan.



Ronald Khandee pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat,
semalam. (Foto BERNAMA)

"Dalam hal ini, Kementerian
Pertanian dan Industri Makanan
(MAFI) mengambil beberapa
langkah proaktif untuk mena-
ngani impak konflik
Russia-Ukraine, dalam usaha me-
mastikan sumber bahan mentah
serta input pertanian mencu-
kupi.

"Bagi menangani isu kenaikan
harga makanan berikutan kon-
flik itu pula, MAFI akan terus
bekerjasama dengan Menteri-
an Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-
NHEP) bagi mengoptimumkan
katanya.

"Saya bersetuju sisa makanan
dijadikan baja organik di negara
kita. Baja organik ini adalah in-
dustri sedang berkembang, cuma
penggunaannya belum meluas,"
katanya.

platform strategik sedia ada," ka-
tanya.
Menjawab soalan tambahan
Nor Azrina Surip (PH-Merbok)
sama ada Kementerian melaku-
kan kajian untuk menggunakan
sisa makanan sebagai sumber ba-
ja alternatif, Ronald berkata, itu
antara pendekatan sedang diusa-
hakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2022	NEW STRAITS TIMES	ONLINE	

MAFI REVIEWING POLICIES TO FURTHER BOOST LOCAL PRODUCTION TO IMPROVE SELF-SUFFICIENCY LEVEL [NSTTV]

BY NURADZIMMAH DAIM - MARCH 15, 2022 @ 1:28PM



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the government needed to review existing policies as a long-term strategy to reduce the country's dependence on imports like corn and soybean waste that were among the components of livestock feed. - BERNAMA pic.

KUALA LUMPUR: Driven by the effects of the Covid-19 pandemic and ongoing Russia-Ukraine conflict, Malaysia is now reviewing its existing policies to further boost agricultural produce to improve its self-sufficiency.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the government needed to review existing policies as a long-term strategy to reduce the country's dependence on imports like corn and soybean waste that were among the components of livestock feed.

"At the ministry level, discussions are being carried out in depth, especially on imports of several agriculture produce that we are able to produce. Corn farming, for instance, is not really part of our (national agriculture) policies.

"However, looking at the current situation, we should encourage it as we have abundant land for farming," he said in reply to a supplementary question from Che Alias Hamid (Kemaman-Pas) during the ministerial question time (MQT) in Dewan Rakyat today.

Ronald said the border closure due to the pandemic and increase of crude oil prices have driven rising food costs.

He said incentives could be considered in encouraging farmers to venture into new fields like corn farming, that were less lucrative than producing other types of crops.

"We are also looking at optimising food waste as organic fertiliser. While the method is common, it is still not widely used in Malaysia."

Ronald earlier said the Russia-Ukraine conflict would definitely impact the global food chain.

In the Malaysian context, he said imports that involved agriculture input like fertilisers and food materials like wheat and cereal availability were directly affected, as well as vegetable and animal fats.

To address this, Mafi has taken several proactive measures in ensuring sufficient agriculture input and raw materials, he said.

Among them are increasing production through modern farming (including precision farming, drone usage and farm factories), encourage the use of alternative or organic fertilisers to reduce dependency on synthetic one and encourage usage of local livestock feed like Palm Kernel Expeller, apart from corns and soybean waste.

Other measures are encouraging farmers to adopt the Integrated Pest Management (IPM) method to reduce chemical pesticides, identifying alternative resources countries to cover the lack of raw materials and agriculture input and providing sufficient financing facilities for farmers affected by the rising production costs through Agrobank.

"Mafi will continue to work with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KDPNHEP) in optimising the existing strategic platform to address the price hike issue due to the conflict."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2022	HARAKAH	ONLINE	

MAFI AMBIL TINDAKAN TANGANI KESAN KONFLIK RUSIA-UKRAINE

March 15, 2022

Oleh NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengakui bahawa konflik Rusia-Ukraine akan memberikan kesan kepada rantai bekalan makanan global, termasuk Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Seri Dr Ronald Kiandee, berkata konflik ini akan memberi kesan langsung, terutama kepada import pertanian melibatkan keperluan input pertanian seperti baja dan bahan makanan seperti gandum dan sediaan bijirin, serta lemak sayuran dan haiwan.

Sehubungan itu, katanya MAFI mengambil beberapa langkah proaktif untuk menangani impak konflik Rusia-Ukraine bagi memastikan sumber bahan mentah dan input pertanian mencukupi.

“Antara tindakan berkenaan ialah meningkatkan pengeluaran tanaman melalui kaedah penanaman secara moden atau IR4.0 seperti pertanian tepat, penggunaan dron dan kilang tanaman.

“MAFI juga menggalakkan penggunaan baja alternatif atau organik bagi mengurangkan kebergantungan kepada baja sintetik,” katanya menjawab soalan Che Alias Hamid (PAS-Kemaman) ketika Sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Che Alias meminta langkah proaktif MAFI bagi memastikan sumber bahan mentah dan input pertanian mencukupi berikutan konflik antara Rusia dan Ukraine yang masih berterusan.

Dr Ronald berkata, MAFI menggalakkan penggunaan bahan makanan ternakan tempatan seperti penggunaan isirong kelapa sawit, selain jagung dan hampas soya serta menggalakkan petani menggunakan kaedah Pengurusan Perosak Bersepadu bagi mengurangkan penggunaan racun kimia.

Menurutnya, kerajaan juga mengenal pasti beberapa negara sumber alternatif baharu bagi menampung kekurangan bekalan import bahan mentah dan input pertanian.

“Akses fasiliti pembiayaan yang mencukupi juga disediakan melalui Agrobank kepada semua pengusaha yang terjejas akibat kos pengeluaran yang meningkat,” katanya.

Selain itu, beliau berkata MAFI bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mengoptimumkan platform strategik sedia ada untuk menangani isu kenaikan harga makanan akibat konflik Rusia-Ukraine.

Katanya, MAFI yakin inisiatif ini akan memastikan kelangsungan bekalan bahan mentah dan input pertanian selain menjamin ketersediaan dan kebolehcapaian makanan yang bertepatan dengan kuasa beli rakyat. – HARAKHADAILY 15/3/2022

MAFI lanjutkan tempoh dari April bagi menampung kekurangan bekalan

Kebenaran import ayam hingga Mei

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memaklumkan tarikh kebenaran mengimport ayam bulat dan keratan dilanjutkan dari April kepada Mei depan.

Timbalan Menteriya, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, langkah intervensi itu untuk menangani masalah berbangkit termasuk kekurangan bekalan oleh negara pengeksport.

"Hasil libat urus bersama pihak berkaitan pada 14 Januari lalu kita mendapat maklumat bahawa masalah berlaku disebabkan negara pengeksport iaitu Thailand mengalami kekurangan bekalan selain harga tidak kompetitif.

"Thailand turut beralih ke- pada sumber protein ayam disebabkan penyakit Demam Babi Afrika (ASF). Mereka beralih ke-



DEWAN RAKYAT

pada ayam dan permintaan di negara itu juga meningkat," katanya, pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tabahan Shaharizukirmain Abd. Kadir (PN-Setim) mengenai kelewatan dan ketangan dihadapi dalam mengimport ayam bulat.

Dalam pada itu, Ahmad menerangkan, sebanyak 4,000 tan metrik ayam bulat dan keratan dibawa masuk oleh 14 syarikat yang diberi kebenaran mengimport setakat 7 Mac lalu.

Menurutnya, langkah itu namun hanya bersifat sementara bagi menampung kekurangan bekalan makanan berkenaan dalam pasaran tempatan.

Justeru, katanya, kemasukan ayam import tidak akan menjajikan pengusaha ayam tempatan kerana hanya sehingga bekalan ayam dalam negara dapat distabilkan.

Tambahi beliau, jumlah pengimportan pula adalah dalam kuantiti kecil meliputi 8.8 peratus daripada keperluan pengguna.

"Purata keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak 3,762 tan metrik (2.1 juta ekor) sehari atau 113,220 tan metrik (62.9 juta ekor) sebulan.

"Pada Oktober hingga Disember tahun lalu, negara berdepan kekurangan bekalan ayam sebanyak 8.5 peratus (9,601 tan metrik atau 5.3 juta ekor)," katanya.



KERAJAAN akan melanjutkan tempoh import ayam bulat dan keratan sehingga Mei bagi menampung kekurangan bekalan. - GAMBAR HIASAN

Tarikh kebenaran import ayam bulat dilanjut hingga Mei

Langkah intervensi tangani kekurangan bekalan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tarikh kebenaran mengimport ayam bulat dan keratan, dilanjutkan daripada April kepada Mei depan sebagai langkah intervensi untuk menangani masalah berbangkit, termasuk kekurangan bekalan oleh negara pengekspor.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata kelewatan pengimportan berlaku atas beberapa sebab tidak dapat dielakkan.

"Hasil libat urus bersama pihak berkaitan pada 14 Januari lalu, kita mendapat maklumat masalah berlaku disebabkan negara pengekspor, iaitu Thailand

mengalami kekurangan bekalan, selain harga tidak kompetitif.

"Thailand turut beralih kepada sumber protein ayam disebabkan penyakit Demam Babi Afrika (ASF).

"Justeru, mereka beralih kepada ayam dan permintaan di negara itu juga meningkat, manakala pengeluaran menurun," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Shaharizukirnaini Abd Kadir (PAS-Setiu) yang meminta penjelasan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengenai kelewatan dan kekangan dihadapi dalam mengimport ayam bulat.

Mengulas lanjut, Ahmad memaklumkan, sebanyak 4,000 tan ayam bulat dan keratan sudah dibawa masuk oleh 14 syarikat yang diberi kebenaran mengimport, setakat 7 Mac lalu, bagi menampung kekurangan bekalan makanan berkenaan dalam

pasaran ketika ini.

Menjawab soalan asal Shaharizukirnaini sama ada langkah memberi kebenaran mengimport ayam berkenaan akan menjejaskan pengusaha tempatan pula, Ahmad berkata, kebenaran itu

seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada 1 Disember tahun lalu hanya bersifat sementara.

"Kemasukan ayam import tidak menjejaskan pengusaha ayam tempatan kerana hanya bersifat sementara, sehingga bekalan ayam dalam negara dapat distabilkan.

"Selain itu, jumlah pengimportan juga adalah dalam kuantiti kecil meliputi 8.8 peratus daripada keperluan pengguna.

"Purata keperluan ayam dalam negara adalah 3,762 tan (2.1 juta ekor) sehari atau 113,220 tan (62.9 juta ekor) sebulan. Pada Oktober hingga Disember tahun lalu, negara berdepan kekurangan bekalan ayam 8.5 peratus (9,601 tan atau 5.3 juta ekor)," katanya.



Ahmad Hamzah

Imported frozen chicken delay is due to shortage faced by exporters

KUALA LUMPUR: The delay in the arrival of imported frozen chicken into Malaysia is due to the shortage of supply in the exporting countries, says Deputy Agriculture and Food Industry Minister I. Datuk Seri Ahmad Hamzah.

He said as of March 7, around 4,000 metric tonnes of frozen chicken had been brought into the country by 14 companies with Import Perrits (AP).

"We were informed that there is a shortage of supply in Thailand and that the price is not competitive.

"China is also facing a shortage and trying to get its supply from Thailand," he told the Dewan Rakyat yesterday.

He said this in reply to a question from PAS' Setu MP Shaharizukir Abd Kadir on the obstacles faced by companies bringing frozen chicken into the country.

In December, Prime Minister Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob had said that the government would import frozen chicken to meet local demand.

Following that, the Agriculture and Food Industry Ministry said the import of frozen chicken would be allowed for three months from December 2021 until February this year.

Ahmad said local poultry operators would not be affected by the import of frozen chicken as this would only be temporary until the domestic chicken supply was stable.

"The number of total imports is small, covering 8.8% of consumer needs.

"The average chicken demand in the country is 3,762 tonnes (2.1 million heads) per day or 113,220 tonnes (62.9 million heads) per month," he said, according to Bernama.

The government, he added, had also allocated RM528.52mil to ease the burden of local poultry farmers by providing egg subsidies from Feb 5 to June 5 this year.



Meeting demand: A customer buying frozen chicken at a wet market in Selayang, Selangor. — Bloomberg

Frozen chicken imports delayed by shortage

KUALA LUMPUR: The delay in the arrival of imported frozen chicken is due to supply shortage in exporting countries, said Agriculture and Food Industry Deputy Minister Danik Seri Ahmad Hamzah.

He said as of March 7, a total of 4,000 tonnes of frozen chicken had been brought into the country by 14 companies with import permits.

"We were informed that there is a shortage of supply in Thailand and the price is uncompetitive. China is also facing a shortage and is trying to get its supply from Thailand," he told the Dewan Rakyat yesterday.

He said this in response to a supplementary question from Shahrizulkurnain Abd Kadir (PAS-Setiu) on the obstacles faced by companies with import permits to bring in frozen chicken.

In December last year, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government would import frozen chicken to meet the country's demand and enable people to get chicken at lower prices than locally-produced chicken.

The Agriculture and Food Industry Ministry had said that the import of frozen chicken would be allowed for three months from December 2021 until February.



Local poultry farmers will not be affected by chicken imports as move is temporary. - **BERNAMAPIX**

Ahmad said local poultry operators would not be affected by the import of frozen chicken as the move would be temporary, until domestic chicken supply becomes stable.

"The total import is small, covering 8.8% of consumer needs. The

country's average demand for chicken is 3,762 tonnes (2.1 million head) per day or 113,220 tonnes (62.9 million head) per month." He said RM528.52 million was allocated to ease local poultry farmers' burden, by providing egg subsidies from Feb 5 to June 5. - Bernama

Kelewatan kemasukan ayam sejuk beku disebabkan kekurangan bekalan dari negara pengimport

KUALA LUMPUR - Kelewatan ayam sejuk beku dibawa masuk ke negara ini adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan dari negara pengeksport, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, sehingga 7 Mac lepas, sebanyak 4,000 tan metrik ayam beku telah dibawa masuk oleh 14 syarikat yang mempunyai Permit Import (AP).

“Kita dapat maklumat Thailand mempunyai kekurangan bekalan serta harga yang tidak kompetitif, mereka juga turut beralih kepada sumber protein ayam kerana penyakit Demam Babi Afrika (ASF), menjadikan permintaan di Thailand meningkat lalu pengeluaran menurun.

“China juga mempunyai kekurangan bekalan dan cuba mendapatkan bekalan dari Thailand,” katanya pada Selasa.

Beliau berkata demikian di Dewan Rakyat ketika menjawab soalan tambahan **Shaharizukirnain Abd Kadir (Pas-Setiu)** yang ingin tahu halangan yang dihadapi syarikat AP bagi membawa ayam sejuk beku masuk ke negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Disember tahun lepas berkata, kerajaan akan mengimport ayam sejuk beku bagi menampung per-

mintaan dan membolehkan rakyat mendapat bekalan pada harga lebih rendah berbanding ayam segar tempatan.

Susulan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataan memaklumkan kebenaran pengimportan ayam sejuk beku adalah untuk tempoh tiga bulan bermula Disember 2021 hingga Februari lepas.

Mengulas mengenai langkah kerajaan bagi memastikan pengusaha ayam tempatan tidak terjejas dengan kemasukan ayam import itu, Ahmad berkata, kemasukan ayam import tidak menjejaskan pengusaha ayam tempatan kerana kebenaran mengimport yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 1 Disember lepas hanya bersifat sementara sehingga bekalan ayam dalam negara stabil.

“Jumlah pengimportan adalah dalam kuantiti yang kecil meliputi 8.8 peratus daripada keperluan pengguna. Purata keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak 3,762 tan metrik (2.1 juta ekor) sehari atau 113,220 tan metrik (62.9 juta ekor) sebulan,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga telah memperuntukkan RM528.52 juta bagi meringankan beban penternak ayam tempatan dengan memberi subsidi telur bermula dari 5 Februari hingga 5 Jun depan. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

KEBENARAN IMPORT AYAM BULAT DILANJUTKAN HINGGA MEI

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Mac 15, 2022 @ 1:20pm

mohd_iskandar@bh.com.my



Gambar hiasan. - NSTP/AIZUDDING SAAD

KUALA LUMPUR: Tarikh kebenaran mengimport ayam bulat dan keratan, dilanjutkan daripada April kepada Mei depan sebagai langkah intervensi untuk menangani masalah berbangkit, termasuk kekurangan bekalan oleh negara pengeksport.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata kelewatan pengimportan berlaku atas beberapa sebab tidak dapat dielakkan.

"Hasil libat urus bersama pihak berkaitan pada 14 Januari lalu, kita mendapat maklumat bahawa masalah berlaku disebabkan negara pengeksport, iaitu Thailand mengalami kekurangan bekalan, selain harga tidak kompetitif.

"Untuk makluman, Thailand turut beralih kepada sumber protein ayam disebabkan penyakit Demam Babi Afrika (ASF).

"Justeru, mereka beralih kepada ayam dan permintaan di negara itu juga meningkat, manakala pengeluaran menurun," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Shahrizukirnain Abd Kadir (PAS-Setiu) yang meminta penjelasan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengenai kelewatan dan kekangan dihadapi dalam mengimport ayam bulat.

Mengulas lanjut, Ahmad memaklumkan, sebanyak 4,000 tan metrik ayam bulat dan keratan sudah dibawa masuk oleh 14 syarikat yang diberi kebenaran mengimport, setakat 7 Mac lalu, bagi menampung kekurangan bekalan makanan berkenaan dalam pasaran ketika ini.

Menjawab soalan asal Shahrizukirnain sama ada langkah memberi kebenaran mengimport ayam berkenaan akan menjejaskan pengusaha tempatan pula, Ahmad berkata, kebenaran itu seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada 1 Disember tahun lalu hanya bersifat sementara.

"Kemasukan ayam import tidak menjejaskan pengusaha ayam tempatan kerana hanya bersifat sementara, sehingga bekalan ayam dalam negara dapat distabilkan.

"Selain itu, jumlah pengimportan juga adalah dalam kuantiti kecil meliputi 8.8 peratus daripada keperluan pengguna.

"Purata keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak 3,762 tan metrik (2.1 juta ekor) sehari atau 113,220 tan metrik (62.9 juta ekor) sebulan. Pada Oktober hingga Disember tahun lalu, negara berdepan kekurangan bekalan ayam sebanyak 8.5 peratus (9,601 tan metrik atau 5.3 juta ekor)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

GEGELANG SOTONG TIADA DNA BABI

Mac 15, 2022 @ 9:12pm



KUALA LUMPUR: Jabatan Perikanan (DOF) mengesahkan tiada identifikasi porsin (DNA babi) dikesan pada sampel gegelang sotong sejuk beku seperti ditularkan di media sosial.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Mohd Sufian Sulaiman, berkata jabatan itu melalui makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur, telah menjalankan identifikasi analisis porsin ke atas sampel gegelang sotong itu.

"Justeru, DOF menegaskan beberapa sampel gegelang sotong sejuk beku yang mendapat permintaan tinggi daripada pengguna tempatan adalah selamat dan tidak mengandungi DNA babi," katanya kepada BERNAMA, di sini, hari ini.

Beliau berkata, hasil ujian itu akan dihantar kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk tindakan lanjut.

Mohd Sufian berkata, pusat biosekuriti berkenaan adalah badan yang bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan kualiti makanan sumber laut, bagi kegunaan oleh pengguna Malaysia.

Beliau berkata, selain mempunyai kepakaran mengesan DNA babi, pusat biosekuriti itu juga bertanggungjawab memastikan makanan laut dalam pasaran dan diimport ke negara ini, bebas penyakit dan kandungan dilarang, selain penternak perlu mematuhi peraturan antarabangsa.

"Untuk produk makanan laut yang mahu dieksport pula, penternak perlu mendapatkan sijil keselamatan ikan dan sijil bebas bahan dilarang, barulah mereka boleh eksport produk berkenaan," katanya bahawa makmal itu telah diakreditasi MS ISO 17025.

Mohd Sufian juga menasihatkan orang ramai agar tidak menyebarkan sebarang maklumat tidak benar, kerana ia boleh menimbulkan ketidakselesaan dan keraguan dalam kalangan pengguna.

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai dakwaan gegelang sotong yang dijual di pasaran, diperbuat daripada usus babi dan dicampurkan perisa sotong.— BERNAMA

Perak harap MARDI hasilkan benih padi tahan lasak

**B A G A N
SERAI** -

Kerajaan negeri Perak berharap kajian penambahbaikan benih padi oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia



RAZMAN

(MARDI) mampu menghasilkan benih padi yang tahan lasak dan tidak mudah rosak akibat banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, ini kerana beberapa kawasan sawah di negeri ini sering dilanda bencana itu.

“Penambahbaikan terhadap benih padi itu mestilah bersesuaian dengan tanah dan kawasan. Walaupun masih di peringkat kajian, kita harap perkara ini dapat menghasilkan benih padi yang benar-benar bermutu,” katanya pada sidang akhbar selepas program Kembali ke Sekolah di Dewan Orang Ramai Gunung Semanggol di sini pada Selasa.

Seramai 180 pelajar menerima bantuan kelengkapan persekolahan bernilai RM150 setiap seorang menerusi program tersebut.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengarahkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) supaya membangunkan padi baharu yang tidak rosak ditenggelami banjir serta tidak menggunakan air yang banyak.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

GALAK PETANI CUBA BENIH PADI VARIETI BAHARU

NURUL HIDAYAH HAMID | | 15 Mac 2022



Azman (tengah) pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Isu Benih Padi di Wisma Darul Aman di sini pada Selasa.

ALOR SETAR - Petani di kawasan Muda digalakkan menggunakan benih padi varieti baharu IS21 dan MR315 yang tahan lasak dan mampu mengeluarkan sehingga sembilan tan metrik beras per hektar.

Exco Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Utama Kedah, Azman Nasrudin berkata, kira-kira 66 peratus petani di kawasan Muda masih menggunakan varieti MR297.

Azman berkata, penanaman secara monovarieti (memilih varieti padi) tidak sesuai kerana ia boleh memusnahkan kesemua tanaman apabila diserang penyakit.

"Disebabkan itu, kita menggalakkan penanaman pelbagai varieti supaya tidak berlaku masalah sekiranya berlaku serangan penyakit ke atas padi.

"Varieti MR219 yang popular sebelum ini juga akan berakhir pada musim pertama nanti kerana penghasilan varieti ini telah dihentikan," katanya.

Beliau berkata sedemikian dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Isu Benih Padi di Wisma Darul Aman, di sini, pada Selasa.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kamarudin Dahuli.

Beliau menjelaskan varieti baharu tersebut memiliki pelbagai kelebihan termasuk tahan rentan dengan cuaca dan serangan penyakit, peningkatan hasil tanaman, lebih rendang dan buah lebih lebat.

Azman berkata, varieti padi baharu juga mampu mengeluarkan sehingga sembilan tan metrik beras per hektar sekiranya petani melakukan pengurusan penanaman padi yang baik.

Katanya, ada petani lebih percaya dakwaan orang lain bahawa hanya varieti tertentu sahaja bagus dan mengeluarkan hasil banyak hingga menyebabkan orang lain mengikutinya.

Azman memberitahu, pihaknya dan MADA akan meningkatkan usaha penyebaran maklumat tentang benih varieti baharu tersebut.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan sebanyak 675,906 beg benih padi sah diperlukan untuk ditanam di kawasan seluas 100,000 hektar di kawasan Muda.

Bagaimanapun, Azman memberi jaminan bekalan benih padi sah mencukupi untuk menampung keperluan petani pada musim 1/2022 penanaman padi di negeri ini.

Mengulas lanjut, katanya, timbul beberapa masalah berkaitan pembekalan benih padi sah termasuklah masalah kelewatan, benih tidak mencukupi dan sebagainya.

"Kita telah mengenal pasti punca masalah berlaku seperti kelewatan benih padi sah dan isu manipulasi harga, yang mana jawatankuasa berkenaan telah mengenalpasti kaedah untuk memastikan isu timbul dapat diselesaikan," katanya.

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf

Kekurangan bekalan, kos makanan punca kenaikan

Harga lembu naik RM300 bulan depan

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

TEMERLOH - Pengguna terpaksa membayar lebih sekiranya mahu menikmati daging lembu pada Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri apabila rata-rata penternak menaikkan harga jualan kepada RM300 seekor.

Kenaikan itu menurut mereka tidak dapat dielakkan berikutan kekurangan bekalan haiwan berkenaan dan kos penternakan yang mahal selain permintaan tinggi lembu pada masa ini.

Seorang penternak, Mohamad Faisal Said, 40, berkata, dia terpaksa menaikkan harga lembu purata kira-kira RM300 seekor bagi menampung, kenaikan kos yang berterusan.

"Selain harga makanan yang meningkat saya turut menghadapi kesukaran membeli lembu kerana kebanyakan penternak tidak mahu menjual ternakan mereka ekoran kerana kenaikan harga sawit.

"Pada masa ini harga minimum seekor lembu lebih RM3,000 seekor bergantung kepada saiz," katanya di sini semalam.

Menurutnya, dia terpaksa menaikkan harga jualan bagi mengelak terus menanggung kerugian disebabkan kenaikan kos.

"Pada masa ini saya mempunyai 120 ekor lembu dan masih lagi mencari lembu untuk dibeli bagi menampung permintaan.

"Kebanyakan lembu dijual di seluruh negara khususnya kepada penjual di pasar Kuala Lumpur. Bagi ibadah korban kali ini saya telah menerima kira-kira 15 tempahan daripada



MOHAMAD FAISAL yang mengusahakan ternakan lembu di Kampung Paya Keladan, Temerloh bakal menaikkan harga jualan ternakan itu kepada RM300 seekor menjelang Ramadan.

pelanggan," ujarnya.

Dalam pada itu seorang lagi penternak lembu, Zainul Zaman Mahalim, 58, berkata, dia dan penternak lain di Bentong turut akan menaikkan harga lembu memandangkan kos yang semakin meningkat.

Dia yang mempunyai kira-kira 300 ekor lembu berkata, kenaikan terpaksa dilakukan bagi me-

nampung pelbagai kos terrikan haiwan berkenaan termasuk makanan, perubatan.

"Saya belum tetapkan lagi kenaikan tetapi akan melakukan perbincangan dengan penternak-penternak lain yang juga bekal menaikkan harga jualan lembu. Kami juga akan memaklumkan perkara ini kepada pihak veterinar," jelasnya.

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasriprya@thestar.com.my

THE Centre For Environment, Technology and Development Malaysia (Cetdem) is hosting a seminar for youths titled "Farming for and by the Next Generation - Organic" on March 19 and 20 at Hotel Capitol Kuala Lumpur in Bukit Bintang.

Open to those aged between 18 and 45, participants will learn about organic farming industry practices in Malaysia, the industry's supply chain, organic certification, food processing, waste management and the food and beverage sector.

Cetdem organic farming project coordinator Tan Siew Luang said the seminar's presenters were 11 former participants of the "Farm-to-Table Youth Training" which incorporated organic farming.

"They will present their findings on organic farming and give insights on five farms in Cameron Highlands.

"Their findings would include the amount of vegetables that did not meet market standards and were discarded based on appearance.

"However, such plants can still be

Free farming seminar for youths



Tan and Gurmit hope to generate interest among youths to venture into farming and organic food business.

each sector," he said. Gurmit said there was an increase in awareness of environmental issues and food safety that had led to the growth of organic agriculture worldwide.

He said organic products were sought after as they were good for health, safe to consume and protect the environment.

However, he said organic agriculture in Malaysia was considered a very small industry, possibly due to its many challenges.

"We need more organic agriculture activities as we want to stop feeding ourselves pesticides, dumping food and destroying the ecological system and biodiversity," he stressed.

Admission to the event funded by the Global Environment Facility's (GEF) Small Grants Programme is free.

Cetdem is an independent, non-profit organisation that has been involved in improving environmental quality through the use of appropriate technology and sustainable development since 1985.

For seminar details, call 03-7875 7767 or 016-219 5826, or visit www.cetdem.org.my

like-minded people who believe in 'safe food' and have a keen interest in sorting out the food surplus issue.

"We want people to move towards the food waste management business, too.

"We will look at the challenges and explore the opportunity for

Environmentalist Gurmit Singh said with the seminar, they hope to generate interest among youths to venture into farming and the organic food business.

"We are also looking forward to seeing those who want to change their career.

"We want to tap the minds of

sold at a cheaper price and there is market potential for this.

"The presenters also learned about food processing and the requirements needed to secure the organic logo," said Tan, adding that they would share their findings on certification of organic products, marketing and culinary training.

Get ready, it's durian time

Farmers hoping for bumper crop and better sales this year

By LIEW JIA XIAN
jiaxian@thestar.com.my

BALIK PULAU: Everything seems to be falling into place for durian sellers this year, particularly with the reopening of international borders, and the expectation of a bumper crop.

Orchard owner and supplier Tan Chee Keat, 30, said the durian trees were flowering well due to the dry and hot weather early this year.

"However, now is still a crucial period as continuous heavy rains might cause the fruits to fall before they are ripe.

"The climate plays a crucial role in determining the amount of crop this year.

"As of now, the durian flower to fruit ratio is about 75% - which is a good sign," he said.

Tan said the durian season would likely peak between the end of May to September.

"We can expect a bumper crop if there is no continuous heavy rain and winds in the coming few weeks.

"The first batch of durian is expected in April but the yield would not be much.

"We hope the peak season will be longer this year but again, it all depends on the weather.

"Durian flowers need dry and hot weather to fully bloom," he said when met at one of his orchards in Balik Pulau.

Tan, who also has farms in Teluk Bahang, Teluk Kumbar and Relau, said one orchard would usually have between three to four harvesting periods a year.

"Different orchards have different times for the trees to bear fruits.

"There will definitely be sufficient durian supply for both local and international markets.

"We have varieties like Musang



King of fruits: Tan inspecting a durian at his farm in Balik Pulau. He says the weather plays a crucial role in determining the amount of crop this year. — ZHAFFARAN NASIB/The Star

King, Hor Lor, Black Thorn and Ang Heh, among others.

"Our yield is estimated to be at least two times more compared to last year," he said.

After two years of having to bear the brunt of the pandemic, Tan said he expects business to be better this year.

"Sales will definitely increase as interstate travel is now allowed.

"We have received many enquiries from our local customers who want to come to our orchards and enjoy the King of Fruits.

"I also expect our regular overseas customers, especially those from China, Indonesia and Singapore, to return after April 1.

"This will definitely boost our business.

owner Chang Teik Seng said the peak durian season would be from the end of May till the beginning of July.

"We have three batches of durian flowers, which means that we will be having three harvesting periods, each within a 40-day cycle," he said. Chang said it is still too early to talk about durian prices this year.

He said he plans to continue with delivery services due to the high number of Covid-19 cases, adding that the services would be available in Penang, Kuala Lumpur and Alor Setar in Kedah.

"With the reopening of international borders on April 1, we are expecting an influx of customers, especially those from China, Hong Kong and Singapore," he said.

16/3/2022

SINAR
HARIAN

NEGERI

25

Muara cetek kejaskan hidup nelayan

Masalah berlarutan lebih sedekad, nelayan rayu jalan penyelesaian segera diambil

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Masalah muara sungai di sekitar kampung Balok hingga ke Cherating yang semakin cetek akibat dipenuhi lumpur tebal dan bering pasir telah menjejaskan kehidupan nelayan di kawasan (DUN) Besaroh.

Nelayan pantai di sekitar kawasan berkenaan mengakui sudah letih berperang dengan lumpur yang menjadi punca muara sungai laut atau kembali ke jeti.

Ketua Nelayan Balok, Raja Harris Raja Salim, 68, berkata, masalah itu sudah berlarutan lebih sedekad lalu dan sehingga kini tiada jalan penyelesaian diambil oleh mana-mana pihak walaupun aduan telah dibuat.

Menurutnya, sebagai jalan terakhir, nelayan terpaksa menunggu sehingga air pasang tinggi bagi menggelak bot tersadai di lumpur atau terlanggar beting pasir.

"Kita tiada pilihan lain selain menunggu. Kalau waktu air pasang tak ada masalah, bot yang bersaiz besar pun boleh lalu tetapi apabila air sungai surut, ia memang menimbulkan masalah kepada nelayan,



Boting pasir jebes kelihatan yang menjadi punca kesukaran keluar dan masuk bot nelayan di sepanjang muara sungai di DUN Besaroh. Gambar kecil, Raja Harris.



Mohammad Fakhruddin (dua dari kanan), bersama nelayan melawat muara Sungai Cherating.

"Sekarang ini keadaan muara cetek serantau ketara, kalau kita lihat sudah terbentuk bering pasir, sekali gus mendatangkan bahaya kepada bot nelayan.

"Saya berharap masalah ini dapat diselesaikan segera mendampingi kebanyakkan nelayan tidak mempunyai pendapatan tetap dan hidup mereka ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang," ujarnya.

Nelayan pantai, Mohammad Azlan, 38 pula berkata, mereka sentiasa bergadai nyawa setiap kali melalui muara sungai berkenaan.

Katanya, ini kerana bot berisiko bocor sekiranya ejin terkena bering pasir, selain berlaku kejadian bot terbalak.

"Saya mengalami kerugian sehingga ribuan ringgit selepas bilah kipas ejin bot rosak akibat

terlanggar bering bertumpu," katanya.

Justeru, dia mahu kerajaan mempertingkatkan pembinaan bering penahan ombak di kawasan laut terbuka untuk menyelesaikan masalah tersebut.

"Kalau boleh, buat (bering) benuk C yang tertutup dari ombak, dengan pelantar disediakan untuk tambat bot. Memang kos tinggi sikit, tetapi berbaloi dan selamat untuk bot nelayan.

"Langkah mengorek (mendalamkan sungai) itu boleh tapi saya rasa masalah ini bukan penyelesaian jangka panjang," katanya.

Sementara itu, Exco Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Datuk Mohammad Fakhriddin Mohd Arif mengesahkan sudah meredumuskan secepat ia diputuskan.

hubung permasalahan itu. Katanya, lawatan dan tinjauan ke muara Sungai Besaroh telah dilakukan beberapa hari lalu.

"Kita dapat lihat kesukaran pergerakan keluar masuk bot nelayan tradisional untuk menangkap ikan dan pulang ke pangkalan pada setiap hari.

"Hasil tinjauan ini telah diadukan kepada Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri dan kerajaan Pahang akan mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah muara sungai sekitar Kampung Balok hingga ke Cherating," katanya.

Beliau menjelaskan, segala tindakan dan langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan akan diumumkan secepat ia diputuskan.

16/3/2022

UTUSAN

DALAM

S2

MALAYSIA

NEGERI

Kebun komuniti Surau al-Hidayah bantu penduduk peroleh sayur lebih murah

TAMPIN: Ketika pengguna berdepan peningkatan harga bahan makanan termasuk sayur-sayuran, penduduk di Kampung Jeram, Sri Repah di sini boleh menarik nafas lega apabila dapat menikmati beberapa jenis sayur organik dengan harga borong sejak setahun lalu.

Ia selepas kebun komuniti yang diusahakan pihak Surau al-Hidayah di kampung tersebut mula mengeluarkan hasil.

Salah seorang ahli kebun komuniti tersebut, Siti Hanizah Mohd. Kahar, 51, berkata, pada mulanya ia diwujudkan bagi mendidik penduduk makan sayur-sayuran organik yang ternyata lebih menyihatkan.

"Kini kami mula menjual sayur-sayuran seperti sawi dan bayam dengan harga borong kepada komuniti setempat.

"Ini kali ketiga kami menuai hasil. Alhamdulillah, selain



SITI Hanizah Mohd. Kahar (kiri) dan Azman Badaruddin bersama Zaleha Ibrahlim, 63, menunjukkan sayur organik ketika ditemui di kebun komuniti yang diusahakan mereka di Surau Al-Hidayah, Kampung Jeram, Sri Repah, Tampin. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

mengimarahkan surau, kami dapat mengisi masa dengan aktiviti pertanian," katanya ketika ditemui semalam.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Sri Repah, Azman Badaruddin berkata, kebun itu di

bawah pengurusan MPKK dan dalam perancangan mempelbagai jenis tanaman seperti limau kasturi serta bunga kantan.

Bau busuk kolam udang diatasi

PART BUNTAR - Kerajaan negeri akan mencari satu jalan penyelesaian terbaik berhubung isu pencemaran bau kolam ternakan udang di Sungai Betul dekat Kuala Bagan Tiang, Titi Serong di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Hijau negeri, Mohd. Akmal Kamarudin berkata, sebarang keputusan dibuat akan melibatkan agensi-agensi berkaitan termasuk Jabatan Perikanan negeri.

Menurutnya, peringkat awal, satu mesyuarat libat urus telah diadakan bagi membincangkan isu tersebut yang sebelum ini disuarakan Ahli Dewan Undangan Negeri Titi Serong, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim.

"Mesyuarat bagi mencari jalan penyelesaian berkenaan pembuangan sisa daripada beberapa kolam ternakan (akuakultur) udang di daerah Kerian.

"Masalah sama turut dikesan di beberapa daerah lain yang mengusahakan akuakultur seperti di Manjung, Taiping, Bagan



MOHD AKMAL semasa meninjau kolam ternakan udang di Sungai Betul dekat Kuala Bagan Tiang, Titi Serong pada Februari lalu.

Datuk dan kawasan pantai," katanya selain mengelakkan berlakunya pencemaran.

Mohd. Akmal berkata, pembangunan akuakultur perlu menitikberatkan penjagaan ekosistem dan kepentingan masyarakat lamat tersebut," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA CATAT JUALAN RM388,000 DI MELAKA

| 15 Mac 2022



Hebahan dan promosi berkaitan PKJM dipergiatkan dari masa ke masa bagi memastikan lebih ramai pengguna dapat menikmati tawaran yang disediakan.

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka telah menganjurkan 25 Program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM) di sekitar negeri itu dengan kutipan jualan kira-kira RM388,000 dalam tempoh 15 Januari hingga 13 Mac lalu.

Exco Perpaduan, Penerangan, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem berkata, ia dianjurkan setiap dua minggu sekali di enam lokasi secara serentak melibatkan enam Parlimen di negeri berkenaan.

"PKJM dianjurkan selama dua hari iaitu pada Sabtu dan Ahad di setiap lokasi terlibat bertujuan menawarkan barangan keperluan seperti telur, ikan dan ayam pada harga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran, sekali gus mengurangkan beban sara hidup rakyat.

"Secara keseluruhan PKJM mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk tempatan terutama di kawasan perumahan dan nilai jualan dalam dua hari penganjurannya seperti di Taman Melaka Perdana mencecah RM60,000," katanya pada Selasa.

Beliau berkata, lebih 15 pasar raya, pemborong, penternak, pengusaha industri kecil dan sederhana serta agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), menyertai program jualan tersebut.

Katanya, penganjuran PJKM akan diteruskan sepanjang tahun ini dan kawasan perumahan menjadi fokus utama, memandangkan sambutan menggalakkan diterima sepanjang penganjuran program itu sebelum ini ekoran kepadatan penduduk di kawasan terlibat.

Hee Sem berkata, KPDNHEP juga bersedia menganjurkan program berkenaan di lokasi yang pernah dianjurkan sebelum ini, sekiranya terdapat permintaan daripada penduduk setempat, persatuan penduduk atau Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

Beliau berkata, hebahan dan promosi berkaitan PJKM juga akan dipergiatkan dari masa ke masa bagi memastikan penganjuran program itu diketahui penduduk setempat agar lebih ramai pengguna dapat menikmati tawaran yang disediakan.

"Penganjuran PJKM perlu dihebahkan secara efektif kerana terdapat lokasi yang dianjurkan sebelum ini, penduduk setempat tidak tahu tentang program ini dan ia secara tidak langsung memberi kesan pada kutipan jualan," katanya. - Bernama

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf